



20 Disember 2019

**KENYATAAN MEDIA**

Untuk Siaran Segera

**PUSPAKOM UKIR SENYUMAN DIBIBIR ANAK-ANAK YATIM RUMAH NURI  
SEMPENA ULANG TAHUN KE-25**

---

**Shah Alam, 20 Disember** – Sempena sambutan ulang tahun ke-25 PUSPAKOM Sdn. Bhd. (PUSPAKOM), kakitangan syarikat telah bersama-sama meraikan anak-anak yatim di Rumah Perlindungan Teratak Nur Insan (Rumah NURI) di Setapak.

Program ini merupakan satu inisiatif tanggungjawab korporat PUSPAKOM yang menyaksikan seramai 52 kanak-kanak yang menghuni Rumah NURI menerima sumbangan berjumlah hampir RM10,000 dalam bentuk keperluan persekolahan seperti beg, pakaian seragam, kasut dan peralatan sekolah. Ini sebagai persediaan bagi menghadapi sesi persekolahan baharu pada tahun hadapan.

Ketua Pegawai Eksekutif PUSPAKOM, Shukor Ismail berkata, program sebegini merupakan satu langkah yang kecil bagi melakukan perubahan di dalam komuniti terutamanya dalam membantu golongan yang kurang bernasib baik. Sumbangan ini diharapkan dapat meringankan beban perbelanjaan peralatan persekolahan mereka.

“Ianya amat penting bagi kami untuk membantu mewujudkan masyarakat yang lebih penyayang. Sebagai syarikat korporat yang komited dalam menyumbang kepada masyarakat, program ini dapat memberi peluang kepada kita semua untuk berkongsi kasih sayang dan kegembiraan bersama mereka yang memerlukan, seperti kanak-kanak dari Rumah NURI ini. Kami berharap dapat meneruskan lebih banyak lagi aktiviti kemasyarakatan seperti ini pada masa akan datang.”

Sumbangan yang didermakan oleh PUSPAKOM kepada rumah NURI merupakan kutipan PUSPAKOM dari kempen Pemeriksaan Kenderaan Secara Sukarela

*#drivesafenoregrets* sempena Hari Raya yang lalu, di mana PUSPAKOM telah mengumumkan bahawa mereka akan menderma RM2 kepada rumah kebajikan pilihan syarikat bagi setiap kenderaan yang datang menjalani pemeriksaan kenderaan secara sukarela yang percuma.

###

### **Jabatan Komunikasi & Khidmat Pelanggan**

Ibu Pejabat PUSPAKOM Sdn. Bhd.

Tel: +603-2052 7465 / 7322



**Kapsyen:** Kanak-kanak rumah NURI teruja bermain permainan “belon beracun”





**Kapsyen:** Dato' Ooi Win Juat, selaku ketua delegasi lawatan sedang bermain gusti lengan bersama penghuni Rumah NURI



**Kapsyen:** Kakitangan PUSPAKOM meraikan pemenang aktiviti berkumpulan



**Kapsyen:** Sesi bergambar berkumpul bersama penghuni rumah NURI